



# BAB LIMA



## **BAB 5** **PENUTUP**

### **5.1 Pengenalan.**

Bab ini merupakan penutup kepada penulisan penyelidikan ini. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian kesimpulan dan bahagian cadangan. Bahagian kesimpulan akan mempamerkan aspek-aspek penting yang telah diperkatakan di dalam bab-bab terdahulu. Sorotan ini bertujuan menonjolkan satu rumusan yang menyeluruh yang dapat disunting maklumat penting berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan.

Bahagian kedua pula akan memperlihatkan beberapa cadangan yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Cadangan yang dikemukakan ini adalah berasaskan kepada kepentingan penyelidik lain yang ingin memperkembangkan perbahasan dalam bidang ini. Disamping itu juga ia dapat meningkatkan sistem pengajian bahasa Arab terutama bagi mencapai penguasaan tatabahasa Arab yang lebih optimum.

### **5.2 Kesimpulan.**

Kajian terhadap al-Quran sememangnya bukanlah sesuatu yang baru. Semakin dalam kajian dijalankan semakin terbentang pula gedung ilmu lain yang belum terbongkar. Ini jelas memperlihatkan kehebatan mu'jizat yang terunggul diwarisi oleh umat Islam.

Gaya bahasa al-Quran tidak dapat ditandingi oleh gaya lain yang terkarang di dalam bahasa Arab khususnya, atau mana-mana bahasa lain. Caranya membaurkan antara ketulusan tauhid, hukum-hakam syariat yang melibatkan aspek ibadah, peradaban manusia serta nasihat dan peringatan yang tersulam di dalam pelbagai bentuk ayat.

Satu perkara yang menarik tentang gaya bahasa Arab ialah berhubung dengan penggunaan ragam pasif. Penggunaannya tidak bersahaja, malah ia mempunyai motif dan sebab-sebab tertentu.

Apabila membicarakan tentang penggunaan ragam pasif, perkara yang terpenting yang harus diketahui ialah pecahan ragam pasif yang terbahagi kepada tiga cabang iaitu kata kerja pasif, kata nama pasif dan kata nisbah pasif. Setiap satunya mempunyai pola atau wazan tersendiri yang membezakan bentuknya dengan yang lain.

Pola asas bagi kata kerja pasif ialah didammakan pada permulaan hurufnya. Kemudian diikuti pula dengan *kasra* pada huruf sebelum akhirnya bagi KKKL dan difathkan pada huruf sebelum akhirnya bagi KKKK. Pola ini boleh diterapkan ke atas semua pecahan kata kerja sama ada ia *thulāthiy* ( triliteral ), *rubā'iy* ( quadriliteral ) atau yang lebih daripada itu.

Sementara pola asas kata nama pasif bagi kata kerja *thulāthiy* (triliteral) ialah مَفْعُول, namakala bagi kata kerja selainnya, derivasinya berlaku atas bentuk kata

kerja kala kini pasif dengan menukar huruf *mudāra'atnya* (حُرْفُ المُضَارِعَةِ) kepada huruf

*Mīm* (م) yang didammakan.

Penggunaan ragam pasif tidak akan sempurna tanpa disertakan dengan pelaku ganti. Pelaku ganti ini akan menggantikan tempat pelaku yang telah dimansuhkan di atas sebab-sebab tertentu. Oleh sebab itu, unsur yang bakal menggantikannya itu hendaklah menuruti segala sifat yang terdapat pada pelaku.

Antara unsur-unsur yang dibenarkan menjadi pelaku ganti ialah objektif, kata dasar (*maṣdar*), kata penerangan (adverba) dan kata nama genetif. Kesemua unsur ini hendaklah dinominatifkan sebagaimana pelaku sama ada secara zahir atau posisi kedudukannya sahaja.

Kebanyakan para ilmuan nahu Arab berpendapat bahawa seandainya terhimpun pada suatu struktur ayat unsur objek, kata dasar, kata penerangan dan kata nama genetif secara serentak, keutamaan untuk menominatifkan unsur tersebut selaku pelaku ganti tertumpu kepada objek. Sementara unsur lain kekal dalam keadaannya yang asal.

Begitu juga halnya sekira sesuatu kata kerja transitif pasif yang mempunyai dua objek atau lebih, keutamaan pelaku gantinya tertumpu pada obejek pertama. Manakala baki objeknya kekal dalam keadaan akusatif.

Berdasarkan kepada penelitian dan kajian yang dijalankan ke atas surah Al ‘Imrān, penulis mendapati penggunaan ragam pasif lebih tertumpu kepada pemakaian ragam pasif dari jenis kata kerja berbanding dengan penggunaan kata nama pasif dan kata nisbah pasif. Pemilihan kata kerja pasif ini mempunyai makna dan maksud yang tersurat dan tersirat serta kesenian bahasa yang tinggi.

Pada keseluruhan surah Al ‘Imrān, terdapat 67 patah kata ragam pasif telah digunakan. Daripada jumlah ini, 65 patah kata adalah bentuk kata kerja pasif dan dua patah kata lagi adalah dari jenis kata nama pasif.

Jika dipecahkan, sebanyak 41 patah kata kerja atau 63 peratus daripada jumlah 65 patah kata tersebut adalah dari jenis kata kerja kala lampau pasif, manakala bakinya iaitu sebanyak 37 peratus adalah dari kata kerja kala kini.

Kebanyakan penggunaan ragam pasif yang digunakan di dalam surah Al ‘Imrān mempunyai kaitan tentang perkhabaran perkara-perkara ghaib seperti hari kebangkitan, dosa pahala, syurga neraka dan sebagainya. Perkhabaran ini dikenali sebagai *al-sam’iyyāt* ( pendengaran ) kerana ia tidak didapat disahkan dengan menggunakan pancaindera lahir manusia semata-mata. Berita perkhabarannya hanya bersumberkan kepada pendengaran melalui wahyu yang di sampaikan oleh Allah s.w.t melalui perutusan nabi-Nya Muhammad s.a.w.

Oleh sebab itu, satu gaya bahasa yang mantap perlu digunakan untuk memberi gambaran jelas yang mampu menggongcang hati manusia serta memudahkan kefahaman mereka terhadap mesej yang disampaikan. Bagi memenuhi keperluan ini, kata kerja pasif dipilih kerana ia mampu menghasilkan kenyataan seperti berikut :

- i. Menghasilkan satu kenyataan ringkas, tegas dan tetap.
- ii. Kenyataan yang lebih umum dan general.
- iii. Menghasilkan kefahaman yang optimum serta kemampuan menangkap mesej dengan cepat dan lengkap.
- iv. Menyatakan hukum-hakam yang tetap.
- v. Memperkuuhkan maklumat yang mampu mengertak hati manusia.
- vi. Memberi peringatan dan amaran yang tegas dan keras.

### **5.3 Cadangan.**

Berdasarkan kepada kajian yang dilaksanakan, terdapat beberapa cadangan yang dirasakan amat perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Antaranya ialah :

Perbahasan permasalahan ragam pasif masih boleh diperkembangkan oleh penyelidik lain dengan mewujudkan perbandingan ( kontrastif ) di antara bahasa ibunda ( bahasa Melayu ) dan bahasa Arab. Ini kerana terdapat satu jurang perbezaan yang luas di antara kedua-duanya.

Sepanjang pengalaman penulis selaku pelajar dan guru bahasa Arab secara sambilan, penulis dapati bahawa pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa ini sebagai bahasa kedua kurang mendapat maklumat yang tepat dan terperinci mengenai ragam pasif. Ini menyebabkan mereka kurang mahir menggunakan kata kerja pasif dan kata nama pasif dalam konteks susunan ayat dan makna yang betul dan tepat.

Penulis merasakan adalah baik sekiranya pengajaran bahasa Arab memberi tumpuan kepada bentuk kata kerja pasif beriringan dengan pengajaran kata kerja aktif. Ini kerana pola kata kerja pasif mempunyai beberapa titik persamaan dengan kata kerja aktif. Oleh sebab itu, sekiranya diberikan pendedahan yang lengkap, ia dapat mewujudkan satu gambaran jelas kepada pelajar di samping dapat meningkatkan penggunaan dan pemahaman yang lebih cepat dan berkesan.

Disamping itu pelajar-pelajar diberi latihan pengukuhan menggunakan ragam pasif dalam bentuk ayat. Ini akan mewujudkan kemahiran pelajar yang dapat memilih struktur ayat sama ada menggunakan ragam pasif atau aktif. Dari sini dapat melahirkan pelajar yang mampu mengolah gaya bahasa berdasarkan konteks yang dikehendaki.

Semasa penulis menjalani penyelidikan ini, penulis dapati bahawa bahan bacaan yang membicarakan bidang sintaksis atau tatabahasa Arab amat berkurangan. Banyak kitab sama ada kitab *thurāth* ( kitab lama ) atau moden tidak kedapatan di perpustakaan Intitut Pengajian Tinggi ( IPT ) negara.

Bagi membaiki kekurangan ini, penulis mencadangkan pihak perpustakawan menambah koleksi bahan bacaan bahasa Arab di dalam semua bidang. Bahan bacaan ini amat penting bagi seorang penyelidik untuk mendapat sumber maklumat awal bagi menghasilkan satu kajian yang lebih ilmiah. Di samping itu juga ia mempercepatkan proses pengumpulan data, yang mana seorang penyelidik itu tidak perlu lagi ke hulu ke hilir mencari bahan ke seluruh IPT dalam negara.

Penulis merasakan adalah wajar pakar-pakar bahasa Arab dan pengkaji-pengkaji mengorak langkah yang lebih produktif untuk menghasilkan buku-buku ilmiah yang dapat menampung kekurangan bahan bacaan dalam bidang ini. Sedikit sebanyak hasil karya tempatan yang menyusunnya dalam bentuk lebih sistemetik atau menterjemahkannya ke dalam bahasa ibunda dapat membantu para pelajar dan orang awam yang ingin belajar bahasa ini.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ